

09/07/2001

SMSS juara memasak Wilayah Persekutuan

SEKOLAH Menengah Sains Selangor (SMSS), Cheras, muncul juara Pertandingan Memasak 2001 Sekolah Menengah peringkat Wilayah Persekutuan yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Ampang, (SMKPA), Jalan Ampang, baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu SMSS menerima hadiah wang tunai RM500, sijil penyertaan, trofi, hamper barangan Maggi dan gas Shell, sekali gus mewakili Wilayah Persekutuan ke peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada 10 November nanti.

Berpandukan tema Masakan Perayaan Untuk Dua Orang, mereka berjaya menyediakan juadah Nasi Aneka Rasa, Kerabu Sayur Cetusan Rasa, Puding Mahligai Pelangi dan Ikan Kukus Samudera Berkuah.

SMSS diwakili Nurul Syafiqah Samsul Bahrin, Hayati Mohd Radzuan dan Hazwani Abdul Halim @ Nordin.

Menurut guru penasihat SMSS, Sapinah Darmo, kejayaan SMSS adalah hasil usaha dan komitmen pelajar dan guru yang bekerja keras sebagai satu pasukan.

"Perkongsiaan idea dan minat di kalangan pelajar berjaya membuahkan hasil kepada kami yang sememangnya impikan kejayaan ini," katanya.

Mengenai persediaan di peringkat kebangsaan, Sapinah berkata pasukannya akan melakukan yang terbaik dengan menampilkan kreativiti dan kelainan dalam menyediakan sajian yang juga merupakan markah bonus kepada setiap kumpulan.

Tempat kedua dimenangi Sekolah Menengah Kebangsaan Manjalara, (SMKM), Kepong dengan masakan Nasi Daun Teratai, Ikan Sos Maggi, Tauhu Goreng Sarang Mee dan Sagu Tembikai Susu Maggi.

Sementara tuan rumah, SMKPA pula menduduki tempat ketiga dengan masakan Acar Sayuran Aneka Rasa, Rendang Udang Kasih Bertaut, Jus Lemak Manis dan Nasi Seri Puteri.

Pertandingan yang disertai pelajar tingkatan satu hingga tiga itu dianjurkan oleh Maggi/Nestle dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Shell Gas Malaysia.

Hadiah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Yaacob Wan Ibrahim.

Turut hadir pada pertandingan itu ialah Pengurus Jenama Maggi/Nestle, Robiah Jamil dan Eksekutif Pemasaran Shell Malaysia Bhd, Mahathir Mokhtar. Pertandingan itu juga turut diserikan dengan demonstrasi masakan oleh chef terkenal, Florence Tan.

(END)